



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**06 Mac 2023
13 Sya'ban 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Terumbu karang perairan Terengganu terancam• MSET Shipbuilding bina kapal besi pertama di Malaysia
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star (Sunday Star)	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		29	6/3/2023

Terumbu karang perairan Terengganu terancam

Oleh ZAID MOHD. NOOR
dan KAMALIZA KAMARUDDIN
zaidnews@mediamula.com.my

KUALA TERENGGANU: Keindahan terumbu karang di negara ini khususnya di perairan Terengganu semakin terancam disebabkan pemanasan global, pencemaran dan kesan aktiviti manusia.

Pakar penyelidik Terumbu Karang Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Madya Dr. Tan Chun Hong berkata, data daripada kajian jangka masa panjang Jabatan Perikanan Malaysia dan Reef Check Malaysia menunjukkan berlakunya trend penurunan litupan batu karang dalam tempoh 10 tahun lepas.

Menurutnya, trend penurunan litupan terumbu karang yang berterusan terutamanya dari 2013 hingga 2019 dengan purata susutan 1.1 peratus setiap tahun perlu dipulihkan segera.

Katanya, antara punca berlakunya kemusnahan terumbu karang disebabkan peningkatan suhu air laut global ekoran peningkatan suhu dunia.

"Terumbu karang juga berisiko patah dan musnah apabila dilanda ombak yang kuat ketika musim Monsun Timur Laut antara November hingga Mac pada setiap tahun.

"Meskipun ia mampu pulih



PASUKAN saintis marin UMT giat menjalankan pelbagai kajian penyelidikan untuk mengatasi ancaman kemusnahan terumbu karang di perairan Malaysia. - IHSAN TAN CHUN HONG

seperti sedia kala, namun proses itu mengambil masa yang agak lama dan tahap kemusnahan juga bergantung kepada tenaga kekuatan ombak yang berbeza pada setiap musim tengkujuh," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, baru-baru ini.

Ketika ini, kebanyakan pulau peranginan di Terengganu mempunyai kepelbagaian spesies terumbu karang yang unik dan berbeza seperti Pulau Perhentian, Pulau Redang, Pulau

Tenggol, Pulau Bidong dan Pulau Kapas.

• Ia tarikan utama pelancong ke Terengganu untuk menikmati pengalaman istimewa di dasar laut, selain menghayati keindahan aset khazanah berharga itu.

Mengulas lanjut, Chun Hong berkata, aktiviti manusia juga dikenal pasti sebagai antara punca berlakunya kemusnahan terumbu karang contohnya pencemaran yang disebabkan oleh pembuangan sisa kumba-

han dari hotel, resort, chalet dan penempatan penduduk di pulau-pulau berdekatan.

Menurutnya, selain itu, sisa-sisa toksik daripada sektor perindustrian, perkilangan dan pertanian yang terletak berdekatan sungai dan pantai serta pembuangan sisa minyak dari kapal-kapal di sekitar Laut China Selatan juga memburukkan lagi keadaan di lautan.

"Terumbu karang memerlukan cahaya matahari untuk hidup membesar dengan sihat, namun pencemaran dan tumpahan minyak ini akan menyebabkan ia mati kerana tidak mendapat cahaya matahari secukupnya.

"Selain itu, aktiviti selam skuba dan selam snorkel dalam kalangan pelancong yang tidak terkawal di kawasan terumbu karang turut menyumbang kepada kemusnahan spesies marin itu kerana ada segelintir pelancong tidak bertanggungjawab menyentuhnya sedangkan ia tidak boleh dilakukan.

"Malah, sikap sesetengah nelayan yang sengaja menanggalkan pukat hanyut di lautan juga sangat berbahaya untuk terumbu karang kerana ia menutup struktur spesies tersebut hingga tidak mempunyai ruang untuk proses tumbesaran yang sepatutnya," katanya.

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			34	6/3/2023



MOHAMAD Sabu (kanan) bersama Azman Ibrahim (tengah) dan Aminuddin Mat Yusof (kiri) selepas meninjau kapal yang dibina daripada besi pada lawatan di MSET Shipbuilding, Pulau Duyung, Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

MSET Shipbuilding bina kapal besi pertama di Malaysia

KUALA TERENGGANU: MSET Shipbuilding Corporation Sdn. Bhd. (MSET Shipbuilding), sebuah syarikat pembinaan dan baik pulih kapal berjaya membina sebuah kapal nelayan moden diperbuat dari besi yang pertama di Malaysia.

Pengurus Besarinya, Khairul Aznam Alias berkata, kapal milik Amir Vision Sdn. Bhd. (Amir Vision) sepanjang 29 meter yang berharga RM10 juta itu dijangka siap untuk melakukan pelayaran sulungnya pada 31 Mei depan.

Menurutnya, kapal kelas C2 yang diberi nama 'AV Al Nisa 1' itu menggunakan 100 peratus kemahiran anak jati tempatan

bermula daripada penghasilan bentuk lakaran kapal sehingga pemasangan peralatan kapal.

"Objektif utama yang menjadi pemangkin penghasilan kapal berunsur besi ini adalah memaksimumkan penerokaan hasil laut dan memodenkan kapal nelayan setaraf kapal-kapal luar pesisir.

"Kapal ini direka dengan dilengkapi kemudahan dan keselesaan seperti kemudahan bilik tidur lengkap dengan katil, almari, ruang solat, bilik aktiviti dan ruang dapur serta dilengkapi pendingin hawa.

"Menariknya, kapal ini juga dilengkapi bilik sejuk beku dan

sistem air laut yang disejukkan (RSW) yang mampu menyimpan sebanyak 80 tan hasil tangkapan segar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas lawatan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu di MSET Shipbuilding Corporation di Pulau Duyung di sini, semalam.

Kapal mampu meredah lautan di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) sejauh 30 hingga 200 batu nautika walaupun pada musim tengkujuh, kapasiti tangki minyak 46,000 liter diesel dan berupaya mengharungi perjalanan 10 hingga 14 hari.